



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 40

RABU 3 OKTOBER, 1984.

رابو 7 محرم 1405

PERCUMA

BRUNEI SEDIA BERI BANTUAN KEPADA PBB

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam beritah sempena kemasukan Brunei Darussalam dengan rasminya menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-159 menyeru badan dunia itu untuk memastikan keamanan dan kestabilan dalam era pembangunan serta perkembangan negara ini.

Dalam titah Baginda di Majlis Perhimpunan Agung ke-39 badan dunia itu pada 21 September lepas mengharap PBB serta para ajensinya memberikan bantuan dan latihan terutama dalam bidang kepakaran dan teknikal, kepada Brunei Darussalam.

Para Perwakilan kami, titah Baginda, berharap agar dapat memperoleh bantuan sedemikian bila diperlukan begitu juga Negara Brunei Darussalam yang kecil ini bersedia memberi bantuan kepada PBB sedaya-upaya yang boleh jika dikehendaki.

Dalam titah Baginda selama kira-kira 30 minit di sidang bangunan Ibu Pejabat PBB di New York, Baginda menyentuh masalah-masalah pergolakan politik dan peperangan yang berterusan di Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika, yang diancam oleh kuasa-kuasa yang tidak menghormati

prinsip-prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menyentuh tentang pergolakan peperangan yang banyak meragut nyawa manusia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memandang berat tentang pencerobohan tentera Vietnam ke atas Kam-puchea yang tidak menghormati prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri negara-negara lain serta mencabuli undang-undang antarabangsa.

Brunei Darussalam menyertai negara-negara lain menentang pendudukan Israel secara berterusan di bumi-bumi Arab termasuk Lubnan

Selatan dan menyokong Pertubuhan Pembebasan Palestin selaku wakil tunggal rakyat Palestin, tegas Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melafazkan rasa dukacita terhadap peperangan di antara Iran dan Iraq yang berpanjangan dan dengan menyertai negara-negara Islam yang lain menyeru kedua buah negara itu supaya menamatkan persengketaan mereka secara aman demi kepentingan perpaduan umat Islam.

Berhubung dengan situasi di Afghanistan, Brunei

Lihat muka 18



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ber-salaman dengan Presiden Perhimpunan Agung PBB ke-39, Tuan Yang Terutama John Firmino Lusaka di Pejabat Tuan Yang Terutama itu.

TITAH DI PBB SUNGGUH HEBAT — Khutbah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam dengan lantang dan tegas telah menyatakan kepada dunia azam untuk terus memodenkan negara ini di samping berpegang dengan prinsip-prinsip keimanan yang turun-temurun iaitu Islam.

Azam yang merupakan pendirian dan sikap negara ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan di Majlis Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-39 bersempena dengan kemasukan Negara Brunei Darussalam menjadi anggota yang ke-159 badan dunia itu baru-baru ini.

Rakaman peristiwa bersejarah yang telah berlangsung di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu bukan saja menjadi berita hangat dan isu penting mass media-mass media dalam dan luar negeri, tetapi juga turut diperkatakan dengan begitu menarik dalam Khutbah Jumaat yang dibacakan di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara pada 28 September yang baru lalu.

"Semua lidah berkata dan hati merasa, bahawa titah ini sungguh hebat, hebat dari segi keazaman yang berterus terang untuk membawa negara ini membangun berdasarkan prinsip-prinsip keimanan yang turun-temurun, prinsip Islam: Islam yang telah menjadi anutan, menjadi pegangan, menjadi cara hidup, menjadi sumber ilham dan pemikiran kita, menjadi panduan dan dasar negara," khutbah itu menegaskan.

Seterusnya Khutbah itu menyatakan jarang sekali

orang membawa Islam ke tengah. Orang hanya lantang di dalam, bersemangat di dalam, tetapi keluar jarang!

Menyebut Islam orang kadang-kadang malu ataupun takut, takut dianggap kolot, dianggap tidak maju, tidak standard, atau dalam era sekarang ini takut dicap pelampau atau takut kepada bayang-bayang — dengan keyakinan — jika Islam menunjuk, maka alamat kita tidak popular, tidak berkawan, orang akan lari dari kita atau lebih celaka lagi orang tiada hormat dan tiada memandang tinggi kepada kita.

Kerana itulah sambung khutbah itu lagi, ramai orang Islam yang sampai membuang Islamnya apabila berhadapan dengan dunia antarabangsa, ramai orang Islam yang menapak Islamnya apabila berada di khalayak masyarakat antarabangsa dan ramai orang Islam yang 'tasurong' menghalalkan yang haram semata-mata kerana hendak melayani tradisi-tradisi antarabangsa.

Tetapi khutbah itu meyakinkan "ini semua, nampaknya tidak akan berlaku kepada kita — insya-Allah."

Lihat muka 18

Ucapan terima kasih

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dengan amat sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas ucapan-ucapan tahniah yang telah disembahkan di masa Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam selamat meluaran seorang Puteri yang bernama YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK PUTERI 'AZIMAH NI' MATUL BULQIAH, pada hari Rabu 26 September 1984 jam 7.20 pagi.

Hadiri mesyuarat di Manila

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pembangunan dijadualkan bertolak ke Manila pada hari ini untuk menghadiri Mesyuarat ke-6 Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan.

Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan itu disertai oleh isteri beliau, Datin Edah, Pengarah Pertanian, Awang Danial Haji Hanafiah, Awang Rosli bin Omar, Awang Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan Dayang Tan Bee Yong.

Mesyuarat selama lima hari itu antara lain akan membincangkan dasar pertanian bersama ASEAN, kerjasama dalam perikanan, kerjasama dalam perhutanan dan lain-lain.

Didenda \$4,000 kerana dadah

KUALA BELAIT. — Mahkamah Majistret Kuala Belait pada 22 September yang lalu telah mendenda Awang Lim Tee Beng sebanyak \$4,000.00 kerana kesalahan dadah.

Awang Lim telah didapati salah atas dakwaan tiga kes menyalahgunakan dan memiliki morfin.

MANISNYA IMAN

"DAN di antara mereka itu ada yang melihat kepadamu, tetapi dapatkah engkau menunjuk-jalan kepada orang yang buta, jika mereka tidak juga nampak?" — Makna ayat 43, Surah Yunus.

Lantikan Pmk. S/Tetap di Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, menjadi Pemangku Setiausaha Tetap, di Jabatan Perdana Menteri semasa percutian Yang Mulia Dato Paduka Awang Selamat bin Munap, mulai dari hari Rabu, 26 September, 1984.

Lantikan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali selaku Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri ini adalah sebagai tambahan kepada tugas-tugasnya yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan melantik Timbalan Pengarah Perjawatan, Yang Mulia Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yusoff menjadi Pemangku Pengarah Perjawatan mulai dari tarikh yang sama iaitu 26 September, 1984.



Pelita Brunei
Penerbitan Padi Sdn Bhd

3 OKTOBER, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MERENUNG DAN MENELITI TITAH SULUNG DI PPB

TITAH sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu minggu lalu adalah sangat tepat bagi sempena yang amat bersejarah iaitu kemasukkan negara kita ke dalam pertubuhan dunia itu.

Dengan anggapan bahawa semua anggota badan dunia itu perlu mendapat gambaran yang

jelas mengenai Negara Brunei Darussalam iaitu pendirian Kerajaan dan rakyatnya maka titah sulung Baginda itu lebih dari jelas bahkan amat tegas. Baginda telah membentangkan kedudukan sebenar negara kita yang walaupun kecil tetapi telah menempuh berbagai-bagai pengalaman sepanjang sejarahnya. Dan pengalaman itu, menurut Baginda akan merupakan sumbangan yang berharga kepada dunia. Umpamanya lima ratus tahun dahulu di bawah kepimpinan Sultan Bolkiah iaitu Sultan Islam yang kelima yang memerintah, Brunei memainkan peranan penting dalam mengembangkan agama Islam di Tenggara Asia. Yang sedemikian itu adalah suatu kegemilangan dan membanggakan. Tetapi kita juga mengalami pengalaman yang pahit selama tiga ratus tahun bermula dalam abad ke-16 di mana tanahair kita dan wilayahnya digugat oleh lanun yang bermaharajela; beberapa siri peperangan; keghanasan orang-orang yang menamakan dirinya peneroka tetapi kita mengenali mereka sebagai pengeksploasi. Dan kemudian dalam kurun ke-20 ini kita mengalami hidup di bawah naungan satu kuasa imperial, untungnya yang baik iaitu Great Britain. Dan dalam jangka tempoh yang pendek semasa perang dunia kedua kita juga pernah di bawah pendudukan askar Jepun. Kesemua ini, menurut Baginda, telah mengajar kita untuk menghargakan realiti dunia ini, yang dengan itu menjadikan pendekatan kita kepada Bangsa-Bangsa Bersatu

adalah pendekatan yang realistik.

Dan dalam konteks dunia di mana keganasan adalah merupakan fakta hidup maka Baginda telah menegaskan pendirian kita dalam beberapa isu antarabangsa. Dengan kedudukan keamanan dunia yang terancam dan hak-hak rakyat di sesebuah negara yang diceroahi diketepikan maka kita lebih-lebih lagi memerlukan keamanan untuk mempergunakan hasil-mahsul negara bagi kebaikan hidup rakyat. Dan ini telah terbukti bahawa dengan adanya keamananlah yang membolehkan negara ini dibangunkan dan kita rakyatnya telah dan sedang dimajukan dengan menikmati suatu taraf hidup yang selesa.

Setelah menegaskan sikap dan pendirian kita serta juga hasrat kita untuk hidup bebas dari pencerobohan asing, Baginda setelah dengan lantang menekankan keazaman kita untuk meneruskan usaha-usaha memodenkan negara ini sambil terus berpegang dengan prinsip-prinsip ajaran yang turun-temurun iaitu Islam. Mengenai hal ini Baginda menegaskan akan keyakinan kita untuk berjaya berdasarkan pengalaman dan contoh-teladan yang dialami oleh bangsa kita semasa di bawah pemerintahan ayahanda Baginda iaitu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Adalah sangat menarik dan amat bermakna manakala Baginda dengan lantang menekankan di hadapan forum dunia itu akan azam untuk memelihara pegangan dan ajaran Islam yang sudah turun-temurun diamalkan. Tentulah pernyataan yang sedemikian dimaksudkan sebagai keyakinan kepada pengalaman bahawa sebagai sebuah negara dan bangsa yang kecil kita telah mendapat rahmat perlindungan Allah Subhanahu Wataala sehingga dapat kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Dan hakikat ini bukan sahaja berhak dibanggakan bahkan yang afdhalnya ialah untuk disyukuri dalam makna kita berazam menggunakan kesempatan bernegara dan berkerajaan untuk menegakkan agama Allah, memperoleh kesejahteraan dan seterusnya memperoleh keamanan. Pengalaman dalam dekad-dekad terakhir sejarah kita sangat jelas memberikan tamsil-ibarat bahawa kita sesungguhnya telah mendapat kekuatan dan keteguhan adalah dengan berkat ketataan kita semua kepada Allah Subhanahu Wataala dalam usaha membangunkan negara dan memajukan rakyat.

Sesungguhnya titah sulung Baginda selaku Sultan dan Yang Dipertuan — tampuk negara dan teras serta teraju Kerajaan — di dalam forum pertubuhan dunia itu sangat tepat untuk bukan sahaja didengar dan direnungkan oleh masyarakat antarabangsa yang berminat bahkan lebih afdhal lagi diteliti dan direnungkan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Kunjungan PERTAMA ke Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.

Rombongan seramai 15 orang ahli Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) yang mengadakan kunjungan selama enam hari ke negara ini, telah membuat lawatan ke Muzium Brunei dan Bangunan Peringatan Churchill di ibu negara.

Rombongan itu yang diketuai oleh Ketua I PERTAMA, Puan Siti Bidayah Ahmad, tiba di negara ini malam Jumaat lalu. Antara tujuan lawatan PERTAMA ke negara ini ialah untuk memberi peluang kepada ahlinya meninjau lebih dekat Negara Brunei Darussalam sambil mengeratkan tali silaturahmi antara kedua negara itu.

Ahli-ahli PERTAMA yang terdiri dari wartawan, pengarang dan penulis novel dari beberapa kumpulan media-cetak di Kuala Lumpur, seperti Utusan Melayu, Jabatan Penerangan Malaysia, Amir Enterprise, Harian Nasional, Kumpulan New Straits Times, Jabatan Perhubungan Awam dan

Radio Televisyen Malaysia, juga sebelum itu telah membuat kunjungan ke beberapa tempat yang menarik di negara ini.

Antara yang mereka kunjungi ialah Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di ibu negara, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Radio Televisyen Brunei, Syarikat Minyak Shell Brunei di Seria dan Pusat Latihan Pertanian di Sinaut.

Selain itu, ahli-ahli PERTAMA juga telah membuat tinjauan lebih dekat ke Kampong Ayer dan berkesempatan singgah di rumah Ketua Kampung Burong Pingai Ayer, Pengarah Haji Othman bin Abdul Kadir.

Di hari pertama lawatan mereka ke negara ini, mereka telah mengadakan perjumpaan dengan wakil Ketua Pegawai Kebajikan di Kampong Pulaie. Juga diadakan ialah perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin dan


ahli-ahli PERTIWI di Rumah Jerambak, dan menghadiri jamuan makan yang diberikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei, BISTARI, dan Syarikat Minyak Shell Brunei.



BERTUKAR-tukar cenderamata antara ketua rombongan, Siti Bidayah Ahmad dengan Yang Dipertua BISTARI, Datin Edah binti Haji Mohd Noor.



ROMBONGAN PERTAMA ketika mendengar taklimat mengenai Pusat Latihan Pertanian Sinaut oleh Pengetua pusat tersebut, Awang Haji Shahril bin Haji Awang Besar (atas) sementara gambar bawah kelihatan tiga dari wartawan itu ketika bertemuramah dengan Pengarah Haji Othman di rumah kediaman beliau di Kampong Burong Pingai Ayer.



ROMBONGAN PERTAMA itu juga melawat ke Masjid Omar Ali Saifuddin. Gambar atas kelihatan rombongan tersebut ketika berada di Lagoon masjid tersebut. Gambar kiri pula rombongan tersebut mendengar taklimat mengenai dengan perusahaan minyak yang disampaikan oleh Awang Mohd Shari Haji Naweh.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ke Markas Tentera Udara ABDB dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan ABDB Timbalan Pemerintah Pasukan dan Pegawai Pemerintah Tentera Udara (atas) sementara gambar-gambar kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ketika dijunjung berangkat ke berbagai bahagian.



Paduka Seri Begawan berangkat melawat Tentera Udara ABDB

BERAKAS. — Selaku teraju turus tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sejak memegang jawatan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam sembilan bulan yang lalu telah membuat beberapa siri lawatan ke unit-unit ABDB bertujuan untuk meninjau secara dekat di samping menambahkan pengetahuan tentang aspek-aspek gerakan ketenteraan.

Pada hari Selasa minggu lalu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Begawan Sultan buat julung-julung kalinya telah mengadakan lawatan ke Markas Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Berakas Garison. Keberangkatan tiba Menteri Pertahanan ke Markas tersebut dengan menggunakan pesawat helikopter dijunjung dan dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan ABDB, Brigedier Jeneral Dato J.P.W. Friedberger, Timbalan Pemerintah Pasukan YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit dan Pegawai Pemerintah Tentera Udara Letenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pg Abidin bin Pg Ahmad.

Sebelum dijunjung membuat lawatan ke Hangar Squadron Pertama, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mendengar taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Tentera Udara. Selain daripada meninjau secara dekat beberapa buah helikopter Bell 212 yang sedang dalam proses pembaikan, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berkenan melawat ke bilik peralatan kejuruteraan yang terdiri dari Bilik Avionik dan Bengkel Metal.

Dari sana Kebawah Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan beredar ke Bangunan Unit Latihan Terjun Payung (PATDU) dan ke Bahagian Alat-Alat Keselamatan, setelah itu berangkat pula ke Mini Stadium untuk menyaksikan pertunjukan Terjun Payung, Squadron Kedua dan Ketiga yang terletak di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa. Berakas merupakan penutup lawatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ke Unit-Unit Tentera Udara dan di antara tempat-tempat yang dikunjungi termasuklah Sekolah Latihan Penerbangan Asas dan Sekolah Latihan Teknikal.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan penuh minat mencuba sendiri ke ruang tempat memandu pesawat helikopter.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika mendengar penerangan Mejar Abd. Rahman (kanan) mengenai dengan salah satu alat senjata 'mesin gun' yang digunakan oleh pesawat helikopter semasa mengadakan rondaan.

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika menyaksikan 'baldi gergasi' yang digunakan oleh pesawat helikopter untuk mengangkat air untuk memadam kebakaran dari udara.



YDM Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Mat Yassin, bekas Kadi Besar Brunei, menarik tirai sebagai menandakan perasmian pembukaan Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong dengan disaksikan oleh Pemangku Kadi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Abd Kadir.

Jangan harapkan yang bulat datang bergolek yang leper datang melayang

KUALA BELAIT. — Saudara-saudara baru Islam diingatkan supaya jangan bersikap sentiasa berharap setiap 'yang bulat datang bergolek dan yang leper datang melayang.'

Mereka hendaklah lebih banyak melibatkan diri dalam usaha secara persendirian bagi mempelajari ajaran-ajaran Islam dalam perkara-perkara fardu ain, sembahyang dan seumpamanya yang akan mendatangkan lebih kebaikan dan keberuntungan.

Cara persendirian yang dimaksudkan, menurut Kadi Daerah Belait, Awang Haji Salim bin Haji Besar, ialah dengan rajin menghadiri kelas bimbingan yang berdekatan, rajin bertanya kepada kawan-kawan dan jiran-jiran serta berusaha mencari guru-guru pengajar cara bersembahyang dan sebagainya bagi mengetahui lebih cepat akan ajaran-ajaran agama Islam.

"Islam tidak menggalakkan kita hidup secara bersendirian atau mengasingkan diri tanpa ingin mengambil perhatian atau bahagian dalam hidup bermasyarakat," jelasnya.

Apa yang dimaksudkan olehnya dengan hidup bermasyarakat itu ialah supaya setiap diri perseorangan atau individu dalam sesuatu masyarakat itu sentiasa mengambil tahu dan berusaha ke arah kebajikan dan kebaikan masyarakat, supaya jangan terdapat di kalangan individu dalam masyarakat itu yang berasa dirinya terasing dan terpisah.

Perkara tidak mengindahkan masyarakat, katanya, boleh mewujudkan akibat dan implikasi yang tidak baik sebagaimana yang terjadi kepada sebahagian masyarakat barat yang maju di bidang sains dan teknologinya, tetapi mundur di segi kehidupan masyarakat kerana tidak mempunyai nilai hidup bermasyarakat.

Yang demikian, masyarakat Islam di negara ini hendaklah sentiasa mengambil tahu tentang saudara-saudara baru Islam mengenai kesulitan dan kepayahan mereka, terutamanya penyesuaian mereka dengan agama Islam yang baru mereka anuti di samping menyesuaikan diri mereka dengan masyarakat Islam yang baru mereka campuri.

Berucap merasmikan Peraduan Membaca Al-Quran dan Hafaz Ayat-Ayat Lazim bagi saudara-saudara baru Daerah Belait pagi Ahad, 23 September lalu, Awang Haji Salim seterusnya berkata, "Kita masyarakat Islam di dalam Negara Brunei Darussalam ini, yang masih lagi boleh dikatakan sebagai satu masyarakat yang kecil dan 'tertutup', hendaklah sentiasa memelihara dan mengamalkan nilai-nilai hidup bermasyarakat yang diajarkan oleh agama Islam."

Sebagai contoh, jelasnya, setiap diri perseorangan yang berkemampuan dan berkebolehan serta berkeupayaan hendaklah sentiasa bersedia menghulurkan apa-apa jua pertolongan kepada individu yang berkehendakkan bantuan dan pertolongan.

Dengan pengertian yang lain, masyarakat Islam hendaklah sentiasa bersedia dengan sedaya yang mampu mengikut kebolehan masing-masing, cuba memberikan bimbingan dan galakan supaya saudara-saudara baru lebih cepat mengetahui, memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran dan nilai-nilai Islam.

Peraduan Membaca Al-Quran dan Hafaz Ayat-Ayat Lazim telah bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh bekas Johan Membaca Al-Quran lelaki bagi saudara-saudara baru Daerah Belait tahun lepas, Awang Shafie bin Abdullah. Ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Perkem-

bangsan Ugama, Awang Mohd. Yusof bin Perak.

Johan Peraduan Membaca Al-Quran Lelaki ialah Awang Haji Hamdi bin Haji Mat Isa, naib johan ialah Awang Haji Ubee bin Leechen manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Omar bin Ismail. Dalam Peraduan Membaca Al-Quran Perempuan, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Nona binti Abdullah.

Bahagian Hafaz Ayat-Ayat Lazim lelaki, tempat pertama dimenangi oleh Awang Bohari bin Sulaiman, kedua ialah Awang Raimy bin Abdullah sementara memenangi tempat ketiga ialah Awang Shahrul Mazlan bin Abdullah.

Sementara itu, Dayang Nona binti Abdullah menjadi johan bahagian Hafaz Ayat-Ayat Lazim Perempuan. Tempat kedua dimenangi oleh Dayang Nooralifah binti Abdullah dan Dayang Julati binti Shabbud menduduki tempat ketiga.

Peraduan Membaca Al-Quran dan Hafaz Ayat-Ayat Lazim bagi saudara-saudara baru Daerah Belait tahun ini berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Saifuddin di sini. Ianya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ustaz Haji Hassan bin Haji Muhammad.

SEBUAH LAGI MASJID BARU DIBUKA RASMI

GADONG. — Bersempena dengan sambutan Awal Muharam, tahun baru Hijrah 1405 sebuah lagi masjid baru telah dibuka rasmi di Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong pada Jumaat lepas sehari setelah umat Islam memasuki lambaran baru tahun Islam.

Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong yang berharga \$900 ribu dan boleh menampung lebih 500 orang jemaah telah disempurnakan perasmian oleh bekas Kadi Besar Brunei, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Mat Yassin.

Dalam ucapannya, Yang Dimuliakan Pehin menyeru umat Islam di negara ini khususnya penduduk-penduduk Kampong Perpindahan Mata-Mata akan dapat meramalkan dan memakmurkan masjid tersebut, kerana katanya, masjid merupakan tempat yang mulia di bumi ini dan sesiapa yang menyemarakkan Rumah Allah ianya akan dicintai Allah.


Kerajaan katanya, telah banyak mendirikan masjid di negara ini untuk umat Islam memperbanyakkan amal ibadat di mana agama Islam dijunjung tinggi maka dengan banyaknya orang-orang Islam beribadat akan berkurangnya maksiat dan bertambahnya amal kebajikan.

Seterusnya, Yang Dimuliakan Pehin menyatakan sejak satu dekad kebelakangan Dakwah Islamiyah di merata dunia dan di Brunei Darussalam umumnya begitu menyemarak di mana orang-orang Islam yang bersembahyang berjemaah begitu menggalakkan sekali yang terdiri dari orang-orang tua dan muda.

Majlis pagi itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh salah seorang penduduk kampung tersebut, Pg Abdul Razak bin Pg. Metassan. Diikuti oleh dengan ucapan pengerusi jawatankuasa pembukaan masjid, Cikgu Pg Haji Mohd Daud bin Pg Haji Puteh. Setelah itu ucapan alu-aluan disampaikan oleh

Pemangku Kadi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Abdul Kadir bagi pihak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei. Di akhir majlis Tetamu Kehormat dihadiahkan cenderamata dan seterusnya beliau menunaikan sembahyang Fardu Jumaat beramai-ramai bersama dengan para penduduk Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong dan penduduk sekitarnya.

Antara yang hadir ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Ketua-Ketua Kampong Sumbiling Baru, Kampong Mata-Mata Asal, Kampong Berbunut, Kampong Sultan Lama dan Kampong Sungai Kedayan beserta anak buah masing-masing. Masjid Perpindahan Kampong Mata-Mata Gadong mula digunakan pada bulan Jun tahun ini ketika Menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri.



BANGUNAN baru Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong yang berharga \$900 ribu dan boleh menampung lebih 500 jemaah.



AWANG Abd. Karim

Pemberita Pelita ikuti kursus di K.L.

BERAKAS. — Awang Abdul Karim bin Haji Abu Bakar, salah seorang Pemberita akhbar rasmi Kerajaan Pelita Brunei minggu lepas telah berlepas ke Kuala Lumpur untuk mengikuti Kursus Penempatan Akhbar.

Semasa di sana beliau akan ditempatkan di Kumpulan Akhbar Berita Harian

Malaysia selama lapan minggu.

Beliau merupakan Pemberita yang kedua mengikuti kursus penempatan akhbar pada tahun ini.

Dayang Zubaidah binti Haji Salat, pulang pada minggu lalu setelah mengikuti kursus serupa di Kumpulan Akhbar Berita Harian Singapura.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3 Oktober, 1984 hingga ke hari Selasa 9 Oktober, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATA- HARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
3- 5	12.16	3.32	3.33	6.16	6.17	7.30	7.31	4.49	4.35	4.50	6.06	6.07
6- 9	12.14	3.31	3.32	6.13	6.14	7.29	7.30	4.48	4.34	4.49	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

DI DALAM menuju dan mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala serta Duntuk menjamin kita memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, maka janganlah kita lalai dan lupa untuk bertakwa dengan sebenar-benar takwa kepada Allah Subhanahu Wataala. Dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi apa-apa yang ditegah dan dilarang-Nya.

Hidup sebagai seorang Muslim di atas muka bumi Allah ini, kita adalah disuruh supaya bekerja dan berusaha serta beramal dengan bersungguh-sungguh di dalam pekerjaan serta di dalam amal ibadah kita. Kerana sifat malas dan cuai di dalam pekerjaan dan amal ibadah itu sangat-sangat tidak disukai dan merugikan.

Kerana itu ada riwayat menyanakan dan menggesa kita supaya di dalam bekerja dan berusaha serta beramal untuk mencari kebahagiaan dan kesenangan di dunia dan di akhirat itu hendaklah kita bersungguh-sungguh, sebagaimana bunyinya, yang kira-kira bermaksud,

"Berjalah dengan bersungguh-sungguh untuk kesenangan di dunia seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya, dan beramal ibadatlah dengan bersungguh-sungguh untuk kesenangan di akhirat seolah-olah engkau akan mati pada esok hari."

Islam bukanlah ugama yang mahu penganut-penganutnya berpeluk tubuh, menunggu yang bulat datang berguling dan yang leper datang melayang, bahkan Islam adalah menyuruh penganut-penganutnya bekerja; berusaha serta beramal. Kerana setiap pekerjaan dan amal perbuatan itu



akan dilihat dan diperhatikan oleh Allah dan Rasul-Nya. Lantaran itu janganlah kita menyangka kalau kita tidak bekerja dengan betul atau kita cuai di dalam beramal ibadat, maka tidak ada siapa yang melihat atau

memerhatikan kita. Atau tidak ada siapa yang tahu mengambil kira atau tindakan kepada kita. Sesungguhnya Allah ada berfirman di dalam Surah At-Taubah ayat 105 yang kira-kira tafsirnya,

KONSEP BEKERJA DAN BERAMAL DALAM ISLAM

"Dan katakanlah (wahai Muhammad) berjalah kamu bersungguh-sungguh maka Allah akan melihat pekerjaan kamu itu dan juga Rasul-Nya dan orang-orang Mukmin."

Konsep bekerja dan beramal di dalam Islam, ialah mengerjakan pekerjaan itu dengan sebaik-baiknya dan sesempurnanya bukan atas dasar asal siap atau asal jadi sahaja tanpa mengira seperti mana yang dikehendaki. Begitu juga di dalam beramal ibadat bukanlah ianya dikerjakan mengikut sesuka hati kita sahaja, bila ada perasaan hendak bersembahyang barulah mendirikan sembahyang, kalau mood tidak baik tidak mahu buat. Mendengar orang lain berzakat hendak berzakat, kalau tidak, tidak! Dan seumpamanya.

Sikap cuai dan lalai serta lupa akan tanggungjawab dan kewajipan, baik terhadap pekerjaan atau terhadap

kewajipan kita kepada Allah dan ugama atau lain-lain, maka sebabnya itulah yang menyebabkan kenapa umat Islam pada hari ini kelihatan jauh ketinggalan di belakang. Sedangkan umat Islam di zaman dahulu, mereka dapat maju dan tinggi tamadun mereka. Baik di bidang ilmu pengetahuan ataupun sains dan lain-lain. Soalan bagaimanakah mereka itu boleh mencapai kejayaan seperti itu? Jawapannya tidak lain, kerana mereka di dalam bekerja atau beramal, mereka bersungguh-sungguh lagi penuh dedikasi.

Sikap berkorban dengan harta benda dan sebagainya. Mereka bekerja dan beramal dengan secara yang demikian itu, sehingga dapat membawa kejayaan dan kegemilangan kerana mereka berpegang kepada ajaran ugama iaitu ajaran yang diberikan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Sebagaimana sabda Baginda yang kira-kira

bermaksud,

"Sesungguhnya Allah sangat menyukai daripada kamu supaya apabila ia beramal atau bekerja maka hendaklah mengelakkan pekerjaannya atau menyempurnakan amal-amal perbuatan dengan sesempurnanya lagi bersungguh-sungguh."

Adalah kerana itu untuk mengembalikan maruah umat Islam janganlah sampai dicap sebagai umat yang malas, cuai dan lalai. Sedangkan kita adalah sebagai sebaik-baik umat, maka hendaklah kita membuktikan dengan semangat kelslaman kita supaya kita melaksanakan kewajipan, baik terhadap pekerjaan kita atau kewajipan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh membuatnya, mudah-mudahan dengan itu kita mendapat keredaan Allah baik di dunia mahupun di akhirat nanti.

Islam menggalakkan umatnya rajin dan produktif

ISLAM menggalakkan umatnya berusaha mencari penghidupan yang halal, malah Islam membenci sifat bermalas-malas atau enggan melakukan sebarang kerja sekalipun keengganan itu beralasan semata-mata untuk menenahkan setiap ruangan waktu dengan beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala.

Terdapat segelintir umat Islam yang terpesong dalam memahami konsep kerja dalam Islam. Ini disebabkan mereka telah dikelirukan oleh tafsir-tafsir terhadap ayat-ayat Al-Quran yang sehajaj dilakukan oleh golongan yang ingin melihat kehancuran umat Islam. Antaranya:

"Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Ku." Ayat 56 Az-Zariat.

Melalui ayat tersebut musuh-musuh Islam telah menyamai sebagai pemberi nasihat yang jujur. Pihak musuh telah menyeru kaum Muslimin supaya meninggalkan kerja tetapi berpegang terus hanya dengan kerja ibadat kerana mereka dijadikan Allah supaya beribadat dan bukan dijadikan untuk bekerja. Sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh ayat tersebut ialah bahawa Allah menjadikan jin dan manusia untuk beribadat dan menyembah-Nya adalah bererti bahawa makhluk seluruhnya, manusia dan jin-jin janganlah menyembahkan satu sama lain atau

sebagainya kerana mereka dijadikan hanya untuk menyembahkan Allah bukan selain Allah.

Begitu juga firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 212 telah diperalatkan oleh seteru-seteru Islam untuk mengelirukan kaum Muslimin: "Dan Allah memberi rezeki siapa yang Dia mahu tanpa kira."

Mereka menasihatkan kaum Muslimin supaya bertawakal dan menyerah kepada Allah tanpa perlu berusaha kerana Allah akan memberi rezeki kepada mereka.

Kekeliruan seperti ini ditenang keras oleh Islam dan Sayidina Omar Al-Khatib secara lantang menegaskan: "Janganlah sesiapa pun di antara kamu berhenti mencari rezeki dan berkata: 'Wahai Tuhanku berikan aku rezeki. Sesungguhnya langit tidak menurunkan hujan emas dan perak.'"

Islam menggalakkan umatnya menjadi umat yang rajin dan produktif, galakan ini dapat kita fahami bila kita meneliti kewajipan mengeluarkan zakat. Zakat hanya diwajibkan kepada mereka yang berkemampuan kerana memiliki harta benda yang boleh dizakatkan. Ini menjelaskan bahawa setiap umat Islam digesa meningkatkan mutu kerja dan usahanya untuk memungkinkannya melaksanakan perintah berzakat yang di dalamnya disediakan ganjaran yang maha besar

kepada pelakunya. Ganjaran ini patut direbut oleh setiap umat Islam bagi membangun dan memantapkan kehidupan umat Islam.

Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang menerangkan tentang pentingnya setiap umat Islam bekerja dengan gigih antaranya: "Dialah yang menjadikan bumi ini mudah buat kamu oleh kerana itu berjalanlah di permukaan-nya dan makanlah dari rezekinya." (Ayat 15 Surah Al-Mulk).

Rasulullah menegaskan: "Memari rezeki yang halal adalah satu kewajipan setelah ibadat wajib."

Kita perhatikan melalui ayat dan hadis tadi bagaimana Islam menyeru umatnya bangun melakukan usaha dan pencarian yang halal di dunia yang terbenatang luas yang dijadikan Tuhan untuk diteroka dan dimanfaatkan oleh manusia sama ada melalui perdagangan, pertanian, penterakan dan sebagainya sama ada usaha sendiri atau makan gaji.

Dalam membentasi golongan yang suka berpeluk tubuh, bermalas-malas untuk bekerja dan berusaha atau dengan lebih tegas menganggur sehingga urusan hidupnya menjadi tanggungan dan bebanan orang lain secara jelas dan tegas Islam menyatakan sikapnya. Dalam sebuah hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam menegaskan: "Sesungguhnya

Allah itu senang dan menyukai mukmin yang mahu bekerja dan membenci penganggur atau yang tidak mahu bekerja mencari kehidupan dunia dan ia tidak pula beramal untuk akhirat."

Sebuah riwayat mengenai Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang pada suatu hari bersama-sama segolongan sahabat berjalan berhampiran sebuah gua, di mana terdapat seorang lelaki sedang beribadat. Maka Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam pun bertanya kepada para sahabatnya itu tentang pihak yang menang-nangguh lelaki tersebut. Mereka lantas menjawab: "Kami semualah yang melayaninya wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Kamulah yang lebih beribadat daripadanya."

Islam juga menentang keras cara hidup yang menggantung diri kepada rahmat belas orang lain atau mengemis terutama ketika ia masih mampu dari segi fizikal untuk menyara dirinya dan keluarganya.

Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam hadis yang diriwayatkan oleh At-Termizi: "Sedekah tidak halal bagi orang kaya dan orang yang masih mempunyai kekuatan yang sempurna."

Betapa Islam memandang rendah perbuatan meminta-minta tanpa keuzuran, riwayat oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-

Baihaqi: "Orang yang meminta-minta sedang ia tidak begitu memerlukan samalah halnya dengan orang yang memungut bara api."

Islam telah menggariskan lunas-lunas yang perlu dipatuhi dalam menjalankan apa jua kerja dan usaha iaitu hendaklah berpandu kepada ajaran Islam dan menjauhi pengkhianatan. Islam mementingkan sikap sadar diri, sadar tanggungjawab, jujur, amanah dan sikap ingin meningkatkan mutu dan nilai kerja. Bagi menjamin tercapainya suatu kerja yang sempurna Islam membentasi sikap suka menangguh-nangguh kerja yang patut diselesaikan pada waktunya sehingga menjadi bertimbuhtimbu dan terasa lemas untuk menyelesaikannya. Benarlah peribahasa kita yang mengatakan:

"Kerja bertanggung tak menjadi." Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: "Dan celakalah bagi pekerja yang mengucapkan esok setelah besok."

Selain daripada kewajipannya berzakat, ibadat haji juga menggantungkan kewajipan kepada mereka yang mempunyai kemampuan material. kerana itu tidak hairanlah kalau Islam amat menggesa umatnya bekerja dan berusaha dengan keras mencari kehidupan yang halal. Dalam doa kita selalu mem-bisikkan: "Ya Allah, kurniailah daku rezeki semasa hidup di dunia semoga

Menuju keredaan Allah

dengan itu akan dapat menziarahi Nabi iaitu naik haji dan semoga di akhirat memperoleh syafaat Baginda."

Terdapat hadis-hadis yang terus menggalakkan supaya umatnya bekerja dengan cepat di awal pagi bagi memperoleh keberkatan kerana jelas bekerja pada awal pagi memberi kesempatan yang luas supaya banyak kerja yang dapat diselesaikan dan penundaan dapat dielakkan serta menjauhi suasana tergelopah-gelap atau kelim-kabut. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: "Ya Allah, berilah keberkatan kepada umatku dalam pergi pada waktu telah pagi kerana mencari rezeki."

Bukan sahaja keberkatan dapat kita peroleh pada mencari rezeki di awal pagi tetapi Allah juga menjanjikan ganjaran yang besar jika dengan mencari rezeki yang halal itu kita merasa letih setelah selesai melakukannya. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

"Barangsiapa pada waktu petang merasa berat (letih) kerana mencari rezeki yang halal maka pada petang itu diampunkan dosanya."

BERIKAN KERJASAMA KEPADA KETUA

TEMBURONG. — Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud menegaskan kepada anak-anak buah kampung di Daerah Temburong supaya sentiasa bekerjasama mematuhi dan mentaati setiap perintah Ketua-ketua Kampung, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Rumah Panjang dalam semua aspek kehidupan.

Beliau berkata dengan cara demikian ianya bukan saja dapat menjalinkan kemesraan kehidupan berkampung, malahan juga kepada mereka berbagai masalah akan dapat diselesaikan.

"Dalam peluang yang singkat ini saya memohon supaya anak-anak di tiap-tiap buah kampung akan bekerjasama dengan Ketua-ketua Kampung, dan Ketua Kampung akan dapat memberikan

Oleh: Ahat Ismail

kerjasama kepada Penghulu-penghulu," jelas beliau.

Berucap demikian di Majlis Perjumpaan dengan rakyat dan penduduk Daerah Temburong bertempat di Balai Raya Mukim Bokok Jumaat lepas Dato Paduka berkata setiap penduduk hendaklah menyedari tanggungjawab sebagai penduduk dalam mengekalkan keamanan kampung dan mukim di samping mengadakan berbagai kegiatan untuk memajukanya.

Menyentuh mengenai taraf kehidupan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa memberikan berbagai rupa bantuan dan subsidi demi untuk kepentingan rakyat. Selain mendapat berbagai bantuan, penduduk-penduduk juga diingatkan supaya menghargai

sumbangan-sumbangan itu serta menjadikannya sebagai pendorong ke arah berbakti dalam semua bidang yang mana di daerah tersebut mempunyai hutan rimba yang luas untuk diusahakan.

"Jangan berpada kalau menjadi peladang dengan hanya mengusahakan seekor dua pada tiap-tiap tahun, sebab hasilnya tetap begitu juga tidak akan berubah," ujarnya.

Terdahulu dari itu rombongan telah melawat ke Kampung Piasau-Piasau dan Kampung Senonoh di Mukim Labu. Semasa dalam lawatan tersebut Dato Paduka berkesempatan mengadakan berbagai perbincangan dengan Ketua-ketua Kampung dari kampung-kampung tersebut di samping menandatangani buku lawatan pelawat.

Kedua-dua kampung tersebut mempunyai kemudahan Balai-balai Raya dan Sekolah yang hanya mengendalikan setakat darjah lima. Selain dari itu rawatan-rawatan bagi pesakit-pesakit luar juga sentiasa didatangi setiap minggu oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Juga turut dilawati termasuklah ke kawasan perusahaan batu kelik di Kampung Sibut dan Power Station di Belingus yang telah pun siap pembinaannya tahun lepas. Stesen ini dijangka akan dapat memenuhi kehendak bekalan letrik di seluruh daerah tersebut.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Ali adalah dalam rangka lawatan dua hari ke sana khusus bagi meninjau perkembangan-perkembangan yang dihadapi oleh rakyat, penduduk, Ketua-ketua Kampung, Penghulu serta Ketua-ketua Rumah Panjang. Menyertai dalam siri lawatan tersebut termasuklah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awg. Hj. Mohammad bin Hj. Seruddin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Damit dan Pegawai-pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum ini rombongan tersebut juga telah membuat kunjungan yang sama ke Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Tutong baru-baru ini.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Daud, sedang menyampaikan cenderamata kepada Penghulu Mukim Awang Haji Tengah bin Damit.

DATO Paduka Awang Haji Mohd Ali juga melawat Stesen Tenaga Letrik bagi Daerah Temburong. Gambar bawah kelihatan beliau sedang mendengar penerangan mengenai kerja-kerja di stesen oleh salah seorang pegawai yang mengawasi projek tersebut.



SEPERTI juga di rumah Ketua Kampung Piasau-Piasau, Dato Haji Mohd Ali tidak ketinggalan menandatangani Buku Pelawat ketika beliau melawat rumah Ketua Kampung Senukoh.



Kelab Kerajinan Tangan DBP adakan kegiatan kerja tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Kerajinan Tangan anjuran Perpustakaan Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka buat pertama kalinya telah mengadakan kegiatan kerja-kerja tangan yang bermula dari 17 hingga 20 September lepas.

Acara yang berjalan selama 3 hari ini telah diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah oleh Awang Ali bin Haji Kayum, Penolong Kanan Ketua Perpustakaan yang bertempat di bilik taklimat di

sini pada Khamis lepas.

Pemenang pertama ialah Dayang Rosnah binti Salleh, tempat kedua Dayangku Megawati binti Pengiran Aji dan tempat ketiga Awang Ismandi bin Samdi serta hadiah-hadiah saguhati kepada beberapa orang peserta.

Terdahulu dari itu ialah ucapan ringkas yang disampaikan oleh Pengawas Kelab Kerajinan Tangan, Awang Ismail bin Osman.

Hari pertama rancangan kelab bejalan ialah di mana para peserta kelab telah diperkenalkan dengan fungsi Perpustakaan, di hari kedua pula mereka membuat kerja-kerja tangan, manakala hari berikutnya mereka dibawa melawat ke tempat penyediaan makanan bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Di antara lain tujuan kelab mengadakan kegiatan seumpama ini, ialah untuk menggalakkan penggunaan buku-buku, menyediakan kemudahan-kemudahan bagi kerja-kerja informal berkaitan dengan hobi masing-masing, juga bertujuan untuk mengenalkan kanak-kanak belajar bagaimana menghibur dan mengajar diri masing-masing.

Menyediakan bahan-bahan dan pengalaman-pengalaman yang akan memupuk "Kemahiran Kesianak Mem-baca", serta untuk membolehkan kanak-kanak bergaul dengan kanak-kanak yang mempunyai latar belakang yang berlainan.

Majlis pada hari itu dihadiri lebih 50 orang termasuk pegawai-pegawai serta kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan ahli-ahli Kelab Kerajinan Tangan.

Mesyuarat Agung pertama Gabungan Peniaga Bumiputera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Gabungan Perniagaan Bumiputera Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Mesyuarat Agung pertamanya bulan Jun lalu, di mana seramai 15 orang telah dilantik sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi gabungan itu.

Penasihat kepada Gabungan Perniagaan Bumiputera itu sekarang ialah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Saifuddin.

Pengerusi Pemangku Setiausaha Agung ialah Awang Haji Abdul Latif bin Awang Chuchu; Yang Dipertua Agung, Pengiran Anak Haji Hassanuddin Al Haj Pengiran Muda Saifuddin, Timbalan Yang Dipertua Agung pula ialah Haji Md

Sharani Othman dan Timbalan Setiausaha Agung ialah Haji Ismail Haji Sabani.

Mesyuarat itu juga telah melantik Pg Othman Pg Haji Ibrahim sebagai Bendahari Agung, manakala Timbalan Bendahari Agung ialah Haji Moxsin bin Jaafar. Sementara itu, Haji Abu Bakar Penghulu Haji Tengah telah dilantik sebagai Setiausaha Perniagaan/Penolong Pemangku Setiausaha Agung dan Timbalan Setiausaha Perniagaan pula ialah Awang Haji Hamzah Haji Abd Rahman.

Setiausaha Perhubungan ialah Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Petra, manakala Timbalan Setiausaha Perhubungan ialah Awang Ilias Haji Metussin. Dilantik sebagai Setiausaha Penerangan ialah Pengiran Haji Bungsu bin Pengiran

Haji Damit, Timbalan Setiausaha Penerangan pula ialah Awang Johari Haji Pudin.

Dilantik menjadi Setiausaha Kebajikan ialah Awang Haji Lufu Haji Abd Halim; Timbalan Setiausaha Kebajikan Awang Ghani bin Nikman dan Ahli Jawatankuasa Tanpa Portopolio ialah Awang Arifin Dato Haji Hamidon.

Ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Penguasa Penjara, Awang Christopher Chin Nyuk Foon kini berada di United Kingdom untuk mengikuti kursus.

Awang Christopher mengikuti Kursus Lanjutan Pengurusan Penjara (Advance Prison Management) selama 8 minggu bermula 1 Oktober.



DAYANG Rosnah bte Salleh, pemenang pertama membuat kerja tangan sedang menerima hadiah yang disampaikan oleh Penolong Kanan Ketua Perpustakaan, Awg. Ali Haji Kayum.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran tanah-tanah di Daerah Tutong akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka dijunjung/dipersilakan hadir ke Unit Penaksir Pejabat Tanah, Tutong atau Unit Penaksir Pejabat Tanah, Brunei pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
643	956	Jenian bin Ajuk	Kuala Pemasang
653	862	Abd. Samat bin Awg. Damit	Kelugos.
655	940	Masri bin Agal	Tanjong Dengar.
656	993	Sireh bin Yuda as administrators of Abi bin Undau's estate	Pengkalan Dong.
656	939	Sireh bin Yuda as administrator of Jori bin Undau's estate	Pengkalan Dong.
656	939	Sireh bin Yuda as administrator of Enor binti Ejar's estate	Pengkalan Dong.
656	939	Sireh bin Yuda as administrator of Elok binte Banan's estate	Pengkalan Dong.
656	939	Atin binti Undau	Pengkalan Dong.
656	939	Seri bin Undau	Pengkalan Dong.
656	939	Omai binti Undau	Pengkalan Dong.
661	1163	Anjoi bin Angot/Anggut	Kubu.
661	1163	Alis binte Angut @ Iliis binte Anggut	Kubu.
661	1163	Asai binte Angut	Kubu.
662	1158	Pg. Ibrahim bin Pg. Ahmad	Tasek Merimbun.
680	703	Imam Gani bin Hj. Abd. Kadir	Bk. Japaling Keriam.
687	1180	Yawin binti Lingga	Panchong Layong.
687	1180	Abi bin Lingga	Panchong Layong.
688	915	Hj. Jeffrey bin Abdullah @ Chan Lin	Bang Pangan.
708	757	Md. Zali bin Hj. Zainal	Bukit Udal.
708	757	Norhanah binte Hj. Zainal	Bukit Udal.
708	757	Halimah binte Haji Zainal	Bukit Udal.
708	757	Bani binte Haji Zainal	Bukit Udal.
708	757	Mohd. Jaffar bin Rais	Bukit Udal.
711	748	Durun bin Bongkok @ Anudun	Bukit Udal.
717	747	Limban bte Nayod	Bukit Udal.
717	747	Murai bin Nayod	Bukit Udal.
717	747	Pirak bin Nayod	Bukit Udal.
717	747	Sarunai bte Nayod	Bukit Udal.
717	747	Raim bin Bungok	Bukit Udal.
718	938	Omoh b. Bunga	Bang Pangan.
721	685	Suhaimi bin Damit	Pengkalan Ajong.
725	951	Bagai binti Badil @ Bagai binti Bading	Pitan Lambang.
725	951	Bunga bin Bading	Pitan Lambang.
725	951	Wangi binti Bading	Pitan Lambang.
731	1131	Han Teo Than	Sg. Damit Pemasang.
731	1131	Haw Ting Ngoi	Sg. Damit Pemasang.
745	1094	Gapar bin Layu	Panchong Layong.
753	721	Sari binti Taha	Pengkalan Ajong.
753	721	Umai binti Taha	Pengkalan Ajong.
754	2160	Mazmah bte Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Norhani bte Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Md. Zaini bin Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Noraini bte Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Aminah bte Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Muhammad bin Md. Yasin	Lubok Labayas.
754	2160	Sauyah bte Md. Yasin	Lubok Labayas.
757	924	Bahar bin Salleh	Bentudo Abang.
763	925	Norbanun bte Kudil	Bentudo.
763	925	Puasa bin Suboh	Bentudo.
765	927	Jais bin Agan	Bentudo.
769	931	Nayan bin Tindas	Bentudo Abang.
771	922	Abd. Rahim bin Tahir Mohammad	Bentudo Abang.
772	919	Tamat bin Puasa	Bentudo Abang.
790	1090	Saut bin Agap	Panchong Layong.
791	1089	Yusuf bin Amoi	Panchong Layong.
793	1093	Kamariah bte Mat Suod	Bukit Penchurian.
794	1181	Sukat bin Subong	Panchong Layong.
797	1049	Soon Yek Bin	Bukit Bidang.
798	886	Kilong bte Ansar	Benchaya.
808	3853	Sulong anak Lugom	Benutan.
827	887	Siti Isah bte Ansar	Benchaya.
836	1202	Jipun binti Sidek	Pak Bidang.
836	1202	Antos binti Sedik	Pak Bidang.
836	1202	Tanam binti Sedik	Pak Bidang.
836	1202	Munting binti Sidek	Pak Bidang.
836	1202	Singong binti Sedik	Pak Bidang.
836	1202	Murau binti Tarok	Pak Bidang.
849	1037	Galau bin Agal	Patnunok.
849	1037	Malor binti Agal	Patnunok.
849	1037	Andoi binti Agal	Patnunok.
849	1037	Adi bin Agal	Patnunok.
849	1037	Dayang binti Agal	Patnunok.
850	1038	Liang Keng Man	Patnunok.
855	1021	Saliha bte Bidin	Patnunok.
855	1021	Jamaliah bte Bidin	Patnunok.
858	714	Siradin bin Tungguan	Keriam.
868	831	Matusop bin Lamit	Semabatang.
871	1390	Mohamad Jani bin Rkot	Semabatang.
882	853	On Chun Huat	Luagan Dudok.
			Karian Pengkalan Ajong.

884	725	Sura bin Balai	Bukit Udal.
889	753	Abdullah bin Abas	Bang Ungos Penulud.
895	3692	Tujoh bin Kota	Bukit Udal.
897	732	Zainal bin Sulaiman	Bukit Udal.
905	746	Yeo Sai Tuan	Bang Singong.
924	786	Suhaili bin Ahmad	Bang Singong
929	797	Haji Hassan bin Awang Othman	Kelugos.
940	870	Noriah binti Haji Nordin	Bukit Udal.
950	761	Teo Kui Siang	Bukit Udal.
952	773	Sapik bin Inyeb	Bukit Udal.
952	773	Heo Soon Tang @ Goh Soon Teng	Bukit Udal.
956	777	Mohiddin bin Lakim	Bukit Udal.
980	2154	Mustafa bin Matusin (Mus)	Keriam.
988	2623	Larai bin Adal	Keranching.
994	1237	Dayang Siti Halimah binti Abang	Kebia.
1003	1238	Sipot bin Tabak	Kebia.
1003	1238	Sikin binti Kah Ping	Kebia.
1013	1245	Masnah binti Abd. Rahman @ Masneh binti Raman	Sungai Kiudang.
1029	844	Che Sung Kiaw	Kakuru.
1029	844	Lau Kok Seng	Kakuru.
1034	1013	Tampoi bin Asmat	Sinaut.
1034	1013	Bahar bin Ahmad	Sinaut.
1035	1012	Lim Thian Hui (Ali Sai)	Sungai Sinaut.
1039	936	Suan bin Daud	
1057	4710	Piah binti Musi	Bang Ligi Bukit, Tutong.
1061	1132	Ukit bin Mokti	Sg. Damit Pemasang.
1062	1133	Ling Loon Yee	Sungai Damit.
1103	879	Cheong Keong Quee	Kupang.
1108	866	Md. Shukri bin Hj. Md. Zain	Kelugos.
1108	866	Hj. Md. Zain bin Hj. Serudin	Kelugos.
1123	1079	Koh Seng Hai	Birau.
1127	1080	Asbollah bin Iradat	Birau.
1131	1037	Kawayan bin Ilong	Pulau Sindat.
1134	3823	Tubee bin, Sinjan	Bentusan.
1136	1084	Mohd. Hussin bin Ludin	Birau.
1138	A6	Leong Shan Kiang	Tutong Town.
1142	A10	Yeo Boon Seng	Tutong Town.
1144	A12	Stephen Ong Teck Soon	Tutong Town.
1145	A13	Lim Cheng Choo	Tutong Town.
1146	A14	Chok Chau Jock	Tutong Town.
1146	A14	Han Giok Lan	Tutong Town.
1147	A15	Lim Pun Chin	Tutong Town.
1148	1126	Rabiah binti Kudi	Kelugos.
1148	1126	Zabaidah binti Lamit	Kelugos.
1153	202	Salmah bte Idris	Sungai Bekiau.
1154	1045	Mat Tahir bin Bakir	Sungai Bekiau.
1154	1045	Jumat bin Makir	Sungai Bekiau.
1156	1046	Serudin bin Arshad @ Sanif	Sungai Bekiau.
1158	1144	Jelinggai anak Pijih	Benutan.
1164	1083	Sabtu bin Gapor	Birau.
1172	1162	Siatin bin Along	Kubu.
1173	1110	Bandang bin Ambang	Batang Mitus.
1174	1062	Liman bte Nyamon	Pak Mahligai.
1174	1062	Sinting bte Likon	Pak Mahligai.
1174	1062	Layar bte Likon	Pak Mahligai.
1174	1062	Sama bte Likon	Pak Mahligai.
1180	1116	Padi binti Aman	Bintudo Lamunin.
1180	1116	Payak binti Aman	Bintudo Lamunin.
1181	1124	Madah binti Kadir	Bintudo.
1181	1124	Aminah binti Kadir	Bintudo.
1181	1124	Asnah binti Kadir	Bintudo.
1181	1124	Lumat binti Kadir	Bintudo.
1182	948	Wara bin Engar	Pitan Lambang.
1182	948	Kaling bin Ingar	Pitan Lambang.
1184	1052	Siomong bin Padan	Lagu Suri.
1188	1053	Lamayah bte Omong	Pengkalan Piasan.
1193	1145	Linggang bin Naweh	Benutan.
1193	1145	Suhailee bin Naweh	Benutan.
1193	1145	Nujur binti Naweh	Benutan.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 3 hingga 9 Oktober 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	3.10.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	3.10.1984	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	3.10.1984	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang	4.10.1984	Khamis	10.00-10.30 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	4.10.1984	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yusoff Katimahar	6.10.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	6.10.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	6.10.1984	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Birau	6.10.1984	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	6.10.1984	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	6.10.1984	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing	8.10.1984	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	8.10.1984	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	9.10.1984	Se'asa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas	9.10.1984	Se'asa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kulap	9.10.1984	Se'asa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong	9.10.1984	Se'asa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring.	9.10.1984	Se'asa	4.30- 5.30 "

Mazhab Ahli Sunnah Wal-jamaah: FAHAMI DAN PERLUASKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya menyeru guru-guru serta orang-orang yang berkecimpung di bidang pendidikan di negara ini supaya mulai sekarang mempelajari dan memperluaskan iktikad mazhab Ahli Sunnah Wal-jamaah.

Oleh: Ahat Ismail

Perkara tersebut katanya, mustahak kerana ajaran iktikad mazhab tersebut tidak banyak difahami dengan sejelas-jelasnya yang mana pada pokoknya negara ini mengamalkan pengajarannya sepertiimana yang telah dimasyorkan oleh Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan semasa hari kemerdekaan awal Januari lepas.

Yang Dimuliakan Pehin menyatakan, penyebaran dan pemahaman terhadapnya amat perlu memandangkan kepada banyaknya pengaruh-pengaruh luar seperti bahan-bahan bacaan dan media massa serta orang-orang pendatang luar yang sentiasa mengambil kesempatan membawa pemikiran sesat, dan membawa mazhab-mazhab liberal luar negeri dengan memperalatkan guru-guru ugama sebagai senjata bagi maksud mereka.

Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama berucap demikian di Majlis Penyampaian Sijil-Sijil dan hadiah-hadiah terbaik penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Kali ke-10 pada 1 Muharam lalu, menjelaskan bahawa tugas guru ugama bukanlah satu tugas yang kecil seperti mengajar ilmu biasa, malahan ianya merangkumi gambaran lahir batin seorang guru, yang bukan setakat memberikan pelajaran melalui kata-kata atau contoh.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, "Apabila pekerjaan guru ugama itu disebutkan maka akan terbayang dan jelas dalam pemikiran kita dan orang-orang awam ia bukan pekerjaan mengajar ilmu biasa seperti Ilmu Hisab,

Ilmu Alam, Ilmu Kesihatan atau teori-teori sains yang lain."

Kesilapan atau kecuaiannya guru ugama dalam memberikan kefahaman kepada orang ramai, ujar Yang Dimuliakan Pehin, akan mendatangkan cemuhan serta sindiran ke atas mereka yang mana melalui teguran tersebut akan menjejaskan taraf seorang guru ugama, dan jika ini terjadi sambungnya bererti guru itu telah gagal menjalankan dakwah ugamanya.

Dalam ucapannya di majlis itu Yang Dimuliakan Pehin telah banyak menyebutkan beberapa keterangan-keterangan Al-Quran dan Hadis nabi berhubung tentang profesion guru ugama yang menurut pandangannya adalah sebagai penyambung usaha perjuangan dan amal ibadat yang diasaskan pada asalnya oleh Nabi Salallahu Alaihi Wassalam.

Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Awang Haji Tengah bin Abd Latif juga menyampaikan ucapan alu-aluannya yang antara lain menyentuh mengenai perkembangan maktab tersebut sejak dulu hinggalah pada masa sekarang ini.

Dayang Hashimah binti Haji Abd Rahman telah dipilih sebagai penuntut terbaik dalam kursus 'A', dengan mendapat kepujian lapan mata pelajaran. Sementara dalam Kursus 'B' pula, Awang



YANG Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya menyampaikan sijil kepada Awang Jahari bin Haji Apeng, peserta kursus 'A'.



DAYANG Hashimah binti Haji Abd Rahman, penuntut terbaik dalam kursus 'A' (kiri) dan Awang Mustapha bin Jafar, penuntut terbaik dalam kursus 'B'.

Mustafa bin Jafar dipilih sebagai penuntut terbaik dengan memperolehi empat kepujian mata pelajaran terbaik.

Seramai 54 orang bakal-bakal guru ugama lepasan maktab tersebut iaitu 15

orang lelaki dan 39 orang perempuan telah menerima sijil-sijil mereka dari Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei.

PUSAT PERBEKALAN KERJASAMA AKAN DITUBUH

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menubuhkan sebuah Pusat Perbekalan Kerjasama (PPK) tidak beberapa lama lagi, bagi mengurangkan kesulitan syarikat-syarikat kerjasama bagi mendapatkan barang-barang keperluan harian.

Selain mengurangkan kesulitan, penubuhan pusat tersebut juga bertujuan untuk mengatasi masalah kenaikan harga barangan yang tidak berpatutan selama ini.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh berucap demikian semasa merasmikan Mesyuarat Agung kali ketujuh Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan Ahad lepas di Dewan Mesyuarat Bangunan Peringatan Churchill, seterusnya menjelaskan bahawa, Pusat Perbekalan Kerjasama itu akan mengimport sendiri barang-barang keperluan harian dari luar negeri dan menjualnya dengan harga yang berpatutan kepada orang ramai dan syarikat-syarikat kerjasama mengikut syarat dan peraturan yang ditentukan oleh PPK.

Menurutnya lagi, syarikat kerjasama yang menjalankan perniagaan kedai runcit kebanyakannya mengalami kesulitan untuk mendapatkan bekalan barang yang murah, kerana keseluruhan barangan tersebut dibeli melalui penjual borong (Wholesaler) atau peruncit (retailer) yang juga menjual kepada orang ramai yang demikian menyebabkan 'Margin' kepada syarikat-syarikat kerjasama begitu rendah dan sukar mendapat keuntungan.

Selanjutnya beliau menyatakan, melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengenakan peraturan kepada setiap Syarikat Pedagang Kereta di negara ini supaya melibatkan penyerahan bumiputera bagi memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada equity (saham) syarikat mereka.

Penyertaan bumiputera terhadap 30% daripada equity (saham) Syarikat Penjual Kereta tersebut jelasnya adalah tidak terhad bilangannya malahan ianya dibukakan kepada semua orang-orang perseorangan serta syarikat-syarikat kerjasama dan tarikh tutup penyertaan tidak lewat akhir tahun depan.

Awal dari itu beliau berkata kejayaan sesebuah syarikat kerjasama tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dari ahli-ahli syarikat terutama dalam menjalankan perniagaan kedai runcit, yang mana sepenuhnya bergantung kepada langganan semua ahli.

Beliau menjelaskan dengan keramaian 126 orang ahli, Syarikat PPRK akan mencapai kejayaan jika semua ahli berlanggan untuk terus membeli barang-barang keperluan dari syarikat mereka dan dengan itu akan menjadikan kuasa pembeli (Processing Power) yang kuat.

Sebagai misalan kata Awang Haji Zakaria, jika seseorang ahli membeli hitung panjang sebanyak \$200/sebulan, ini bermakna jumlah jualan sebulan akan mencapai \$25,200/. Dari segi pendapatan kasar, paling minima 10% daripada jualan adalah keuntungan. Ini bererti keuntungan \$2,520/ sebulan atau \$30,240/ setahun akan diperolehi dan keuntungan ini dengan sendirinya dapat dinikmati oleh ahli.

Turut berucap di majlis tersebut termasuklah Pengerusi SKPPRK Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abd. Latif dan Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Abd. Hamid bin Ismail yang antara lain menyentuh mengenai perkembangan syarikat tersebut ketika ini. Sejurus selepas perasmian mesyuarat dimulakan dengan membincangkan sebanyak tujuh agenda termasuk melantik ahli-ahli jawatankuasa baru.

Menurut perancangan, Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan akan mempelbagaikan usahaniaga mereka dengan membeli bas dan sekeping tanah serta membuka sebuah kedai di bangunan tempat letak kereta bertingkat.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sesi Kedua Kursus Komunikasi bagi seramai 23 orang Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan anjuran Unit Sivik dan Kemasyarakatan jabatan tersebut, telah berakhir pada Rabu lepas dengan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta kursus oleh Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Sesi Pertama kursus tersebut telah berjalan pada 21 Jun lalu selama lima hari, manakala sesi kedua ini pula berjalan selama tiga hari bermula pada 24 September lepas dengan membentangkan dua buah ceramah iaitu "PENERBITAN PELITA BRUNEI DAN TEKNIKAL AM MENGENAINYA" yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan Pg Abd Hamid bin Haji Abas dan "ASAS-ASAS KEWARTAWANAN DARI SEGI TEORI DAN PRAKTIK" oleh Penolong Pegawai Penerangan Awang Jahari bin Haji Abd Latif.

Terdahulu sebelum penyampaian sijil-sijil kepada peserta kursus, Pengarah Penerangan telah menyatakan dalam ucapan penutupnya berharap supaya segala oleh-oleh yang diperolehi daripada kursus tersebut dapat dipergunakan secepat mungkin ke arah mempertingkatkan lagi mutu

kerja-kerja penerangan.

Beliau menambah semua bidang kerja adalah memerlukan ilmu dan pengalaman yang kesemua itu diadun dengan latihan yang mana akan melahirkan sistem kerja yang cekap.

Mengikut perangkaan Jabatan Penerangan, dalam masa lima tahun ini saja jabatan tersebut telah menghantar seramai 19 orang pegawai dan kakitangannya ke seberang laut untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan dan dalam tahun ini saja seramai 10 orang telah mengikuti kursus-kursus latihan termasuk latihan meninjau.

Berpanduan kepada perangkaan tadi secara tidak langsung Jabatan Penerangan telah sedia mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih untuk mengendalikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Memandangkan prestasi pegawai dan kakitangan ini, Pengarah Penerangan merasa optimis bahawa kesedaran dalam memegang tugas-tugas yang diamanahkan itu tidak akan dipersia-siakan bahkan sambungnya, yang penting ialah amanah yang dipikulkan oleh Allah Subhanahu Wataala yang mana kita ditakdirkan

Kursus komunikasi berakhir

memegang jawatan di dalamnya, akan dapat menjalankannya dengan baik dan lancar.

PELITA difahamkan bahawa antara lain kursus tersebut bertujuan memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan tersebut yang belum pernah mengikuti kursus-kursus untuk men-

dapatkan bimbingan komunikasi di mana bidang tersebut adalah berkait rapat dengan kerja-kerja penerangan.

Selain dari itu melalui kursus tersebut ianya akan dapat mengikuti kemahiran kerja bagi mendapatkan pengalaman secara intensif melalui perbincangan-perbincangan yang dijalankan.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Badaruddin menyampaikan sijil kepada Awang Jalani Mohammad, salah seorang peserta yang mengikuti kursus tersebut.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 3 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 INSPECTOR GADGET
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.45 WILD KINGDOM: "Bundu Rescue"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD KINGDOM — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.17 AZAN MAGHRIB
- 6.27 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Hostage Harts" Jennifer khuatirkan nyawa Jonathan yang dijadikan orang tebusan oleh perompak-perompak di Paris.
- 7.31 AZAN ISYAK
- 7.35 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 ARE YOU BEING SERVED: "Lost And Found"
- 9.45 THE MISSISSIPPI: "The Last Voice You Hear"
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR: "Russian Roulette"
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 4 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS: "Lying"
- 5.50 AGAINST THE ODDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan

- 6.15 WONDERS OF THE WORLD: "Wedding Of Giants"
- 6.17 AZAN MAGHRIB
- 6.27 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAUMA CENTER: "Pilot" Bhg. I Trauma Center ialah sebuah unit khas dalam hospital yang mempunyai segala kelengkapan dan kakitangan yang siap sedia untuk menghadapi segala kemungkinan yang berhubung dengan kecemasan.
- 7.31 AZAN ISYAK
- 7.35 TRAUMA CENTER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 HAWAII FIVE O: "Labyrinth"
- 10.35 MAN ABOUT THE HOUSE
- 11.00 EMBASSY WORLD PROFESSIONAL SNOOKER 1984 — Semi Final
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 5 OKTOBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY: "The Warm-Blooded Sea: Mammals Of The Deep" Costeau meneroka pertalian semula jadi yang terdapat di antara sea's, dolphins, ikan paus dan manusia.
- 2.10 CRUSADER RABBIT: "Scar And Striper"
- 3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Rubik And The Mysterious Man"
- 3.25 WEBSTER
- 3.33 AZAN ASAR
- 3.37 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT
- 4.30 YOU ASKED FOR IT
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.17 AZAN MAGHRIB
- 6.27 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 'V' (Siri baru) Dengan menghulurkan tangan persahabatan pendatang asing (aliens) dari angkasa lepas mendarat di Bumi. Tidak lama kemudian banyak saintis dunia telah hilang. Seorang jurugambar yang membuat penyiasatan atas perkara ini telah menjadi orang buruan.
- 7.31 AZAN ISYAK
- 7.35 'V' SERIES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 DRAMA: "Anggerik Putih" Bhg. 2
- 10.10 KNOTS LANDING: "And Never Brought To Mind"
- 11.00 REGGIE: "Mark's Girlfriend"
- 11.30 MIKE HAMMER: "Dead On Time"
- 12.20 MUSICAL: "Glen Campbell" (Episod terakhir)
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 6 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY: "The Super Mystery Boat"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA: "Emu Country"
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 WILD AUSTRALIA — sambungan
- 6.31 DOMESTIC LIFE: "He Ain't Heavy, He's My Dentist"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "K.I.T.T. The Cat"
- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.34 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 MARI MEMASAK: "Ayam Gulai Minang" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 9.15 TAYANGAN GAMBAR INDO-NESEA: "Sekuntum Duri"
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "The Cavalry"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 7 OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 TEETIME AND CLAUDIA
- 2.25 PINK PANTHER INSPECTOR
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.32 AZAN ASAR
- 3.36 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.10 FANTASY ISLAND
- 5.05 HONDO: "The Mad Dog"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE WORLD WE SHARE: "Gippsland Down River"
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 THE WORLD WE SHARE — sambungan
- 6.30 BENSON

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "Too Much Of A Good Thing"

- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.34 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 DARI DEWAN RAYA
- 9.30 JOURNEY INTO INDIA: "The Moghul Emperor" Taj Mahal adalah salah satu bangunan yang terkenal di dunia. Rancangan ini merakamkan sejarah dinasti Moghul dari zaman Bahur ke zaman Akbar dan seterusnya ke zaman Shah Jahan yang membina Taj Mahal.
- 10.20 CONDO: "The Announcement"
- 10.50 REILLY: ACE OF SPIES: "Endgame"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 8 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKE OF HAZZARD "Secret Satellite"
- 5.00 SUPERFRIENDS (Episod terakhir)
- 5.30 THE POSEIDON FILES: "Secret Of Red Sea" Bhg. 2
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 TEKA TEPAT — sambungan
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BARE ESSENCE
- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.34 BARE ESSENCE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 WRESTLING
- 10.05 GREAT LITTLE RAILWAYS OF THE WORLD: "The Good And The Quick" (Episod terakhir) Perjalan keretapi The Guayaquil/Quito Railway ini digelar "The Good And The Quick" kerana perjalanannya sejauh 300 batu sekarang hanya 12 jam sahaja tidak seperti sebelum tahun 1908 ketikanya mula dibuka terpaksa mengambil masa dua minggu lamanya.
- 10.55 EUREKA STOCKADE
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 9 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ARCHIES TV FUNNIES
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Give A Dog A Bad Name" Filem ini merakamkan kehidupan sekumpulan "Hunting Dog" di dataran Serengeti ketika mengasuh anak-anak mereka.
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: "Safety Factor"
- 6.14 AZAN MAGHRIB
- 6.24 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 8.15 THE FALL GUY: "T.K.O."
- 7.30 AZAN ISYAK
- 7.34 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.30 THE YELLOW ROSE: "Hell Tath No Fury"
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR: "Medusa Touch"
- 11.50 BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
- 12.20 SIARAN TAMAT.



ADEGAN dari siri baru "V" yang bercorak sains rekaan (science fiction) bermula pada hari Jumaat kira-kira jam 7.15 malam.

Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 3 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita, 2.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.30—Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri kelima), 5.00—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Se ingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Hiburan Ma'am.

HARI KHAMIS 4 OKTOBER

PAGI: 9.00—Sains dan Perusahaan (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Drama dari Novel, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 5 OKTOBER

PAGI: 9.00—Majalah Radio (SU), 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00—Pedoman Hidup, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menukai Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat, 2.30—Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Pilihan, 3.30—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Hiburan Petang, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpen Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Alam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 6 OKTOBER

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menukai sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

PETANG: 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 7 OKTOBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Hiburan Hari Minggu, 10.15—Majalah Perdana, 11.00—Hiburan, 11.30—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat.

TENGAH HARI: 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Fokus (SU), 3.15—Majalah Sukan,

3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih, 4.30—Buang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.
MALAM: 7.00—Seni dan Sastra, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 8 OKTOBER

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Sains Dan Perusahaan, 11.00—Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.
PETANG: 2.30—Lukisan Masyarakat (SU), 3.15—Syair Perlembagaan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Rampai Petang, 4.15—Ruangan Katani, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan, 9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 9 OKTOBER

PAGI: 9.00—Suara Perajurit, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita.

TENGAH HARI: 1.30—Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastra (SU), 3.30—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Ruangan Katani (SU), 8.15—Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahas Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 3 (side 2 of 2)
9.00 Popular Classic: Concerto Classical Disc 6 (side 2 of 2)
9.30 Talking About Music — 282/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: "The Devils" by John Whiting
9.30 Ella Fitzgerald In Concert with the Brian Fahey Concert Orchestra and the Jimmy Rowles Trio (side 1)

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: "Fangs Ain't What They Used To Be" by David Pinner.
11.15 Light Music From The Netherlands — 625.
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: Stephane Grappelli — 4/12.
12.45 My Music — 321/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 3/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs — 42.

1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K842—4 side 2B & 3B)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre: "Garments" by Ian Burford.
9.00 Perspective
9.30 A Date with (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 40/46.
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1037.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia — 21/26.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1037 (repeat)
1.30 Weekend Greetings "Patterson" by Malcolm Bradbury & Christopher Bigsby — 4/8.
3.15 Just for variety
8.00 Our Views — 21/26 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 33/60
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842—5 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Long Time Story" by Valerie Murray.
9.30 The Guitar Greats: Pete Townshend — 7/14 side 2 of 2
9.30 The New Swingle Singers Prog 4 Songs From Stage and Screen

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You by Jafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "The Big Country" side 2.

Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

P.M.

9.15 News.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

PERANAN JURUULAS

SEPERTI juga tingginya semangat pemain-pemain negara kita ketika menentang pasukan bola sepak Sarawak baru-baru ini, begitulah juga agaknya tinggi dan besarnya semangat juru-juru ulas kita yang membuat ulasan selari ketika perlawanan Piala Borneo diadakan bagi musim pertandingan antara tiga wilayah Borneo tahun ini.

Bertempek bagi halilintar suara juruhebah kita ketika melaungkan gol-gol kemenangan Brunei. Dan suara kemenangan itu menembusi setiap telinga pendengarnya bagaikan FM Stereo yang volumenya diputar penuh. Ya! itulah kebanggaan yang dapat kita rasai sepenuhnya sebagai penyokong dan tulang belakang kepada skuad pemain-pemain kebangsaan kita.

Betapa tidak! sesuatu yang tidak dapat disangkal ialah kemungkinan 80% dari pendengar radio yang mengikuti siaran radio di siang hari yang jarang atau tidak menghiraukan langsung tentang rancangan radio di waktu malam, kerana biasanya di waktu begini televisyen pula yang mengambil peranannya; tiba-tiba saja menjadi pendengar yang setia pada setiap musim perlawanan bola sepak. Pendengar dan peminat bola sepak yang tidak berkesempatan untuk menonton secara langsung pasti akan memetik punat radio pada waktu yang tepat untuk mengikuti ulasan selari dari juru-juru ulas radio.

ULASAN

Melalui ulasan mereka, akan terbayang di mata setiap pendengar pemain-pemain bola berlari-lari dengan pantas di stadium. Mereka akan menarik nafas di saat-saat kecemasan, mereka akan ikut bersorak bila mendapat

tahu pasukan negara dapat menyumbatkan gol. Suara pendengar juga sedang dengan suara penonton-penonton yang benar-benar menyaksikan pertandingan itu. Mereka akan mengeluh pula bila tiba-tiba permainan menjadi lembab dan ingin tahu apa sebabnya. Semua jawapan adalah terletak di tangan juru-juru ulas sendiri, kerana hatta juruulas itu tersalah lapor sekalipun, pendengar tidak akan membahaskannya. Apa yang didengar, itulah yang diterima, itulah hakikat sebenar pada mereka.

Sudah ternyata benarlah peri mustahaknya peranan sijuruulas itu. Merekalah penghubung, mereka jugalah sebagai utusan untuk menyampaikan sesuatu melalui ulasan. Inilah salah satu tugas mereka selaku seorang komunikator.

Begitu rancaknya rentak permainan, begitulah juga rancaknya kedengaran suara juruulas kita. Secara automatis terkeluarlah kata-kata yang bukan dibaca melalui per-

suratan, tetapi lahir dari apa yang dipandang; dari apa yang dilihat berlaku di padang tanpa ada perbezaan waktu. Bukan senang menjadi juruulas! Dan tidak semua orang yang petah bercakap boleh melakukannya pada waktu-waktu yang tepat, kerana untuk menggambarkan sesuatu yang penuh aksi tidak akan berjaya dengan ulasan dan suara yang teragak-agak.

PERLAWANAN

Kita tarik lagi ingatan pendengar pada perlawanan Piala Borneo tahun ini, di mana dalam dua perlawanan yang berasingan Brunei menentang Sarawak dan Brunei melawan Sabah, kita dapat mengikuti perbezaan yang nyata di antara keduanya. Juruulas kita seakan-akan mempunyai tenaga yang kuat apabila rentak permainan dianggap cantik dari kaca mata mereka. Tapi alangkah sedihnya mereka. Betapa terharunya mereka untuk menyampaikan sesuatu yang mungkin akan menimbulkan kegelisahan pada setiap telinga pendengarnya. Suara mereka yang lantang sebelumnya bertukar menjadi nada yang datar apabila pasukan kita gagal ketika menentang Sabah.

Itulah peranan juruulas yang hanya berkemampuan memberikan kenyataan berdasarkan dari apa yang dilihat. Nada suara, rentak ulasan mereka terletak pada rancak atau lembabnya sesuatu perlawanan. Ketentuan atau keputusan semuanya terletak pada apa yang sebenarnya berlaku, kerana kita harus ingat mereka bukan pengadil, tapi Juruulas.



Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan bersama lagi dengan memberikan peluang peserta Dayang Masnah bte Haji Hidup di alamat No. 16 'A' Kampong Pekilong Muara, Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Dayang Masnah akan bersama awda semua pada hari Selasa 9 Oktober, jam 4.00 petang.



RANCANGAN Alam Remaja minggu ini akan dimuatkan dengan bualan ringkas penerbit dengan naib juara 'Bintang Remaja' iaitu Dayang Rosiah bte Annuar (atas).

Rancangan Alam Remaja akan bersama awda ikuti

Rancangan TVP dari 8-10 Okt.

ISININ — 8 OKTOBER

PAGI

8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI
(Air, Air Di Mana-mana 2).

Rancangan ini adalah lanjutan kepada rancangan 'Air, Air Di Mana-mana 1' dan dalam rancangan kali ini murid-murid dibawa ke Layong untuk melihat kerja-kerja memproses air, bermula dari air sungai Layong yang keruh sehingga air itu diproses menjadi bersih dan diantar ke rumah-rumah melalui paip.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK
(A Visit to the Library)

Dalam rancangan minggu ini murid-murid akan dibawa mengikut lawatan Gani dan Jay Jay ke bilik perpustakaan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

- c) Pengalaman - pengalaman dalam kerja-kerja 'filing' dan peraturan pejabat merupakan satu kebolehan.

- d) Pemohon-pemohon yang mempunyai pelajaran yang rendah dari (a) tetapi mempunyai pengalaman yang luas dan kebolehan yang istimewa melaksanakan tugas-tugas setiausaha selama tidak kurang dari 5 tahun, iaitu pengalaman yang diperoleh dalam melaksanakan tugas-tugas yang tertentu, adalah layak juga untuk dipertimbangkan.
- e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai dua bahasa iaitu Inggeris dan Melayu.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Membuat tugas-tugas yang berupa sulit, mencatat dan menaip. Mengatur dan menyimpan rekod-rekod per-

jumpaan/perjanjian serta menyampaikan maklumat dan lain-lain tugas yang diperlukan. Tugas-tugas yang disebutkan di atas hanyalah keterangan dan bukannya ketentuan yang tegas tentang tanggungjawab seseorang Kerani Sulit/Jurutaip.

Am :

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

2. JURUTRENGKAS MELAYU :

Sukatan Gaji : D. 3-4 EB. 5
—\$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambridge Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

- b) Boleh mencatat trengkas 80 p.s.m. dan menaip 40 p.s.m.

- c) Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang terendah di (a) tetapi mempunyai pengalaman-pengalaman yang luas dalam kerja-kerja trengkas dan menaip sekurang-kurangnya 3 tahun atau lebih akan juga dipertimbangkan.

- d) Pengalaman bekerja dalam urusan-urusan 'Sulit' akan disifatkan sebagai suatu kelebihan.

- e) Calon-calon kehendaki menjalankan ujian trengkas dan menaip.

- f) Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Kerja-kerja trengkas dan menaip yang diarahkan oleh pegawai yang tertentu.

Am :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama laporan permohonan ini satu salinan sulat dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 3 November, 1984.

(Bil iklan : 196/1984)

(E/6/76).

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Oktober, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

No.: PROC/T/169/84

MEMBEKAL : DME/
TRANSPONDER TEST

ATC 600 A
Cagaran : \$200.00.

No.: PROC/T/170/84
MEMBEKAL : FAN
STAND 16"
Cagaran : \$200.00.

No.: PROC/T/171/84
MEMBEKAL : ROYAL
ENGINEERS
BOYANCY AID.
Cagaran : \$200.00.

No.: PROC/T/172/84
MEMBEKAL : TRANS-
CIVER BOARD.
Cagaran : \$150.00.

No.: PROC/T/173/84
MEMBEKAL : COLCHES-
TER LATHE
STUDENT 1800
Cagaran : \$100.00.

No.: PROC/T/174/84
MEMBEKAL : FIELD
SERVICE KIT.
Cagaran : \$100.00.

No.: PROC/T/175/84
MEMBEKAL : M 100
INTERCOM EQUIP-
MENT AND SERVICES
Cagaran : \$250.00.

No.: PROC/T/176/84
MEMBEKAL : PERSON-
AL FIRST AID KIT.
Cagaran : \$100.00.

No.: PROC/T/177/84
MEMBEKAL : PERSON-
AL SURVIVAL KIT.
Cagaran : \$100.00.

No.: PROC/T/178/84
MEMBEKAL : AIR
CRAFT FIRST AID
KIT.
Cagaran : \$100.00.

KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis "MENJAHIT PAKAIAN-PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI-PEGAWAI PENJARA, MEMBEKALKAN KAIN DAN UPAH" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 8 Oktober, 1984 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.

3. Penawar-penawar adalah dipelawa untuk menyebutkan harga membekalkan kain dan upah menjahit tiap-tiap sehelai pakaian seragam bagi tempoh di sepanjang tahun 1985, seperti berikut :—

- | | | |
|--|---|---------|
| 1. Kemeja Kuning Panjang Tangan (Shirt Khaki Dacron L/S) | — | 1 helai |
| 2. Seluar Panjang Kuning (Slack Khaki Dacron) | — | 1 helai |
| 3. Bush Jacket Khaki Dacron | — | 1 helai |
| 4. Shirt Khaki Dacron | — | 1 helai |
| 5. Baju Mess Jacket Putih (Mess Jacket White Dacron) | — | 1 helai |
| 6. Tunic Putih (Tunic White) | — | 1 helai |
| 7. Seluar Panjang Hitam (Slack Black Dacron) | — | 1 helai |
| 8. Double Vest (Jacket) Hitam | — | 1 helai |
| 9. Cara Melayu | — | 1 helai |
| 10. Samping Wadar (Upah Sahaja) | — | 1 helai |
| 11. Seluar Panjang Putih | — | 1 helai |
| 12. Seluar Pendek Putih (Slack White Dacron) | — | 1 helai |
| 13. Epaulette Rifle Green | — | 1 helai |

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Semua pakaian seragam hendaklah dijahit dengan memuaskan hati Penguasa Penjara. Jika sekiranya tidak memuaskan, semua pakaian seragam yang telah dijahit itu akan dikembalikan kepada pemborong berkenaan untuk diganti dengan yang baharu tanpa dikenakan apa-apa bayaran lebih. Benang yang digunakan bagi menjahit semua pakaian akan ditentukan oleh Penguasa Penjara.

6. Kontrak ini boleh dihentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua (2) bulan notis secara bertulis.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARDS KEPADA JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1985

I. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 12 November, 1984 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1985.

ITEM	KETERANGAN-KETERANGAN	BAHAN	UKURAN	BANYAK
KERTAS-KERTAS				
1.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed	60 Gsm	31x43"	2,500 Reams
2.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed	80 Gsm	31x43"	3,000 Reams
3.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed	100 Gsm	31x43"	250 Reams
4.	Japanese/Swedish Art Paper/Plain/White BSC	105 Gsm	31x43"	500 Reams
5.	Japanese/Swedish Art Paper/Plain/White BSC	128 Gsm	31x43"	1,200 Reams
6.	Japanese Egg-Shell Embossed Art Paper	128 Gsm	31x43"	250 Reams
7.	Kraft Paper	95 Gsm	35x47"	500 Reams

BOARDS

8.	Japanese/UK Cast Coated Artboard BSC	260 Gsm	31x43"	300 Packets
9.	Japanese/UK/Korean Tinted Boards seperti berikut :	330 Gsm	22x30"	3,700 Packets

WARNA KERTAS DIKEHENDAKI :

a) Grey	1,000 Packets
b) Cerise (Pink)	500 Packets
c) Blue	1,000 Packets
d) Buff	750 Packets
e) Green	300 Packets
f) Yellow	150 Packets

10.	Japanese/Australian Grey Chipboards	260 Gsm	31x43"	400 Packets
-----	-------------------------------------	---------	--------	-------------

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh Kertas/Board, Cap atau Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam Borang Tawaran yang disediakan. Semua Tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan, kegagalan mengisi keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

IV. Harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekal ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

V. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul itu :—

PEMBEKALAN KERTAS 1985 KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperoleh dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak \$5,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihadapakan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan jua dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas/Board sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah jua dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membekalkan kertas-kertas dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :—

- a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas tempoh penghantaran di atas.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh berkenaan dengan pembekalan yang gagal ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pelatih Pembantu Teknik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PELATIH PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji: D. 1-2 \$530-\$820 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu kredit dalam mata pelajaran sains yang bersesuaian dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (General Certificate of Education Ordinary Level) dan pernah mengikuti kursus City and Guilds di peringkat Part I ('T1 dan T2) dalam mata-mata pelajaran yang bersesuaian atau kelulusan-kelulusan yang sebanding;

ATAU

- Calon-calon yang terdiri dari kakitangan-kakitangan open vote atau bergaji hari yang mempunyai kelulusan seperti di b) (i) di atas dan mempunyai pengalaman praktikal yang mencukupi dalam bidang-bidang yang bersesuaian juga akan dipertimbangkan.

- Kewatamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang sedang atau pernah mengikuti Industrial Training di Jabatan Penerbangan Awam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 Oktober, 1984.

Bilangan iklan: 193/1984

E/18/82

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

BIL: 52/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Oktober, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN BATTERY
12 VOLTS 140AH 25
PLATES FOR KOMAT-SU.
JENIS NS150—
KOBE BATTERY.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 53/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Oktober, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN CAST IRON FITTINGS TO SPECIALS TO BS78/1965 PLAIN ENDED CLASS B OR SUITABLE FOR USE WITH A.C. PIPE CLASS 'B' OR 'C'.
Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Telecommunications Department Negara Brunei Darussalam Tender Notice

PROJECT No. P1014

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for excavating trench, burying cables, erecting distribution poles, laying ducts and constructing of manhole and grill cover in North Exchange Area.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than noon on 29th. October, 1984. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

P. 1014
NORTH — JALAN MANDANG & JALAN BERAKAS — CABINET 3 DISTRIBUTION.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of \$500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 25th. October, 1984, at North Exchange.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: KB 57 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 1 BLOK 6 UNIT KELAS 'F' FLAT SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 58 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 2 BLOK SEMI-DETACHED KELAS 'G' DAN 1 BLOK 12 UNIT BARIK KEHUTANAN SUNGAI LIANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 59 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT UNTUK 3 BLOK 8 UNIT BARIK UNTUK WATER WORKS TREATMENT PLANT SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 60 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT KELAS III BAGI 3 BLOK 8 UNIT BARIK UNTUK KAKITANGAN ELEKTRIK, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 61 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT KELAS III BAGI 2 BLOK X 2 UNIT KELAS 'G' PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN BOMBA YANG BERTEMPAT DI BALAI BOMBA KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 62 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT KELAS III BAGI 2 BLOK X 8 UNIT BARIK PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN BOMBA YANG BERTEMPAT DI BALAI BOMBA KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 63 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN PERABOT KELAS III BAGI 3 BLOK X 16 UNIT BARIK DI SEPANJANG JALAN MUMONG, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran Untuk Electrical Installation for Proposed Surau for the Royal Brunei Armed Forces, Bolkliah Camp

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' or 'B' Registered Electrical Contractor sehingga hari Isnin 8 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SURAU FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, BOLKIAH CAMP.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Semua tawaran-tawaran, terutama dari seberang laut, mesti dihantarkan dalam Peti Tawaran yang terletak di hadapan pejabat tersebut di atas. Tawaran-tawaran yang tidak dihantarkan dalam Peti Tawaran dengan secara tersebut akan tidak dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK:
ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SURAU FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, BOLKIAH CAMP.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

BRISMA INTERNATIONAL CONSULTANTS
F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex,
Mile 1½, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

mulai dari hari Rabu 19 September, 1984 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$200.00 + \$100.00 (untuk lukisan) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut:—

(a) Pemborong-pemborong itu adalah pemborong Class 'A' or 'B' Registered Electrical Contractor.

(b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan security deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Pemborong mesti menetapkan dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang diambil adalah sama dengan "Master" dokumen dan lukisan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa iua tawaran.

11. Oleh sebab peluang diberi kepada semua pemborong-pemborong melihat dokumen dan lukisan tawaran di pejabat dalam masa tersebut dalam perenggan (5) di atas, tawaran dan cagaran tawaran tidak boleh ditarik balik bermula SATU MINGGU sebelum tarikh tutup tersebut dalam perenggan pertama.

Titah D.Y.M.M.

Dari muka 1

Darussalam menyeru bagi pengunduran tentera-tentera asing dari negara tersebut dengan memberikan hak rakyat Afghanistan untuk menentukan masa depannya serta mengembalikan kedaulatannya.

Brunei Darussalam menyeru-tai negara-negara lain yang cintakan kebebasan, mengemukakan kuat dasar dan penindasan Kerajaan Afrika Selatan yang mengamalkan sistem diskriminasi yang tidak berperikemanusiaan serta menyokong penuh perjuangan rakyat Namibia untuk menuntut kemerdekaan dari penjajahan Afrika Selatan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan mendengar penerangan ringkas dari Pegawai Pemerintah Askar Gurkha, Lt. Col. R.F. Richardson-Aitken di pentas khas Diraja.

Pelajari akidah bersungguh-sungguh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di negara ini diseru supaya mempelajari bersungguh-sungguh akidah Ahlis Sunah Wal-Jamaah yang menjadi pegangan kita di negara ini supaya kita terhindar dari melakukan atau mengamalkan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar-benarnya.

Seruan itu dibuat adalah berikutan terjadinya krisis akidah dalam dunia Islam yang telah menjadi salah satu sebab perpecahan umat Islam, bahkan dijadikan alat

oleh musuh-musuh Islam untuk mengalahkan umat Islam di mana-mana sahaja.

YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama membuat seruan demikian dalam perutusan menyambut awal Muharam, 1405 Hijrah yang disiarkan melalui radio dan televisyen pada malam kedatangan tahun baru Islam itu.

Dalam dunia moden ini, tambah YDM Pehin, gerakan-gerakan untuk mengacaul-bilaukan umat Islam berjalan dengan rapi dan tersusun — bukan saja datang dari luar bahkan dari dalam masyarakat Islam dengan memperlak orang-orang Islam dengan berbagai-bagai cara.

Antaranya yang paling merbahaya dan merosak ialah melalui akidah dan ajaran-ajaran yang kononnya Islam bertujuan mengambil pahala mendekatkan diri kepada Allah, "tetapi sebenarnya menimbulkan syak kepada Allah, menimbulkan kepercayaan murtad dan menanam sikap-sikap radikal yang bertujuan menjatuhkan kuasa umat Islam di mana-mana jua pun," jelas Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu.

Berhubung dengan gerakan-gerakan itu YDM

Pehin menjelaskan datangnya dari orang-orang yang hendak mencari keuntungan harta benda semata-mata atau kekuasaan politik dengan mendakwa mereka mempunyai kuasa kebal, kuasa mendapatkan pahala, kebenaran mengecualikan dari kewajipan agama seperti sembahyang atau puasa dengan mengamalkan sejenis zikir atau amalan.

Atau kelulusan untuk mengerjakan makiat seperti berzina dan minum arak kalau masuk satu-satu golongan atau mazhab, mendakwa jadi Imam Mahdi, jadi nabi baharu, dapat wahyu daripada Allah, silat didapati daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam atau Sayidina Hamzah, kahwin tak perlu nikah syarak dan lain-lain.

Semua mereka ini jelas YDM Pehin Tuan Imam lagi, ada menggunakan ayat Quran, hadis, kata-kata ulama yang kononnya memberi mereka jalan untuk berbuat sekehendak hati.

Memandangkan hal yang demikian, YDM Pehin menekankan betapa pentingnya umat Islam belajar mengenal dan mengamalkan mana golongan yang diakui oleh Rasulullah dan mana yang ditolaknya. Tanpa pengetahuan yang baik umat Islam akan menjadi "Pak turut".

B.A. atau B. Ed.) atau seumpamanya akan juga dipertimbangkan.

Bagi mereka yang berhasrat untuk mengambil kursus Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D), hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana. Mereka juga berkemungkinan akan ditempatkan di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri untuk penempatan sambil belajar bagi mendapatkan pengalaman sebagai pensyarah.

Mereka yang berjaya menamatkan kursus-kursus ini nanti hendaklah bersedia untuk bertugas sebagai pensyarah dan seumpamanya di institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

PASUKAN GURKHA ADAKAN PERTUNJUKAN PERPISAHAN

KUALA BELAIT. — Sebagai sumbangan akhir mereka semasa di sini sebelum berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam dalam bulan November depan, pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles telah mengadakan satu Pertunjukan Gabungan Paluan Gendang bertempat di Padang KBRC Ahad lalu.

Pertunjukan Pancaragam tersebut disertai oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pancaragam Serunai dan Tambur Batalion Kedua, Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei serta Pasukan Keenam Pancaragam Serunai dan Tambur Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles sendiri.

Berangkat menyaksikan persembahan tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Berangkat sama ialah cucunda kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkihah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan

Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan telah dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Pasukan itu, Lieutenant Colonel R F Richardson-Aitken, dan kemudiannya Kebawah Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima 'Tabik Hormat' serta dijunjung berangkat memeriksa satu kawalan kehormatan terdiri dari seramai lebih 60 orang Askar Gurkha di bawah pimpinan Major P.P.A. Gould Bury.

Dari padang KBRC, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat menuju ke Mess Pegawai Tentera British di Mumong bagi menyaksikan peralatan senjata dan kelengkapan ketenteraan yang digunakan oleh Askar Gurkha. Antara senjata yang dipamerkan termasuklah pakaian peperangan anti-senjata nukliar, Pasukan Mariam Katak, Pasukan Pembantu dan Pengempur, Pasukan Pertahanan Anti Kereta Kebal, serta Pasukan Pemusnah yang lengkap dengan senjata peluru berpandu.

Selain menyaksikan pameran senjata, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia juga menyaksikan tunjuk cara pertempuran hutan dan serangan hendap yang

dilakukan terhadap musuh, serta cara-cara memberikan bantuan kepada mereka yang mendapat kecederaan.

Persembahan kemuncak pada hari itu ialah operasi menyelamatkan seorang tebusan yang ditawan di sebuah rumah oleh tiga orang pencolek bersenjata. Gerakan menyelamat secara olok-olok itu dilakukan oleh sepasukan 25 orang Askar Gurkha, di mana dengan menggunakan dua buah helikopter Askar-Askar tersebut menyerang melalui udara dan selanjut mendarat.

Sebaik-baik saja pendaratan tersebut, pencolek-pencolek bersenjata dan Pasukan Penyelamat Askar Gurkha telah bertempur dan dalam pertempuran itu para pencolek akhirnya menyerah diri, sementara orang tebusan berjaya diselamatkan tanpa mengalami sebarang kecederaan.

Di akhir lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien berkenan menandatangani buku pelawat pasukan itu.

Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Gurkha Rifles akan digantikan oleh 1st Battalion, 2nd King Edward The VII's Own Gurkha Rifles.

Kejayaan tidak terlaksana tanpa usaha gigih

KUALA BELAIT. — Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda, sebahagian besar dari kejayaan kaum bumiputera dalam jurusan perusahaan dan perniagaan tidak akan terlaksana tanpa ada usaha-usaha yang gigih dari kaum bumiputera itu sendiri.

Penyertaan bumiputera dalam bidang ini, jelasnya, semakin nyata pencapaiannya, dan keberanian mereka dalam memecahkan diri dalam bidang ini adalah sangat mengagumkan.

"Dan adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memberikan berbagai-bagai bentuk kemudahan termasuklah pinjaman wang dan kepimpinan 'directive' dan nasihat," sabda Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika merasmikan dan menepung tawar kapal M.V. Putera Belait No. 2 Syarikat Kejuruteraan Bumiputera Belait Sendirian Berhad di sini Ahad lalu bersabda, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bidang ini sentiasa mengukuhkan apa jua yang terdapat bagi menempatkan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputera di barisan hadapan.

Antara usaha-usaha itu, sabda Yang Amat Mulia, termasuklah langkah menyediakan tapak perusahaan ringan, kedai perniagaan bagi yang layak menggunakan secara berperingkat-peringkat mengikut kehendak yang sebenar, dengan berasaskan kemampuan mereka pada mengikut rancangan dan keupayaan Kerajaan dalam melaksanakan rancangan-rancangan itu dari masa ke semasa.

Pengarah Urusan Syarikat, Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abas menjelaskan bahawa M.V. Putera Belait No. 2 juga menempah sejarah Perkapalan Negara Brunei Darussalam yang mana ianya merupakan kapal yang pertama didaftarkan ke pendaftaran perkapalan

Negara Brunei Darussalam.

"Dengan adanya pencapaian ini, maka setandinglah Negara Brunei Darussalam ini dengan negara-negara lain di bidang perkapalan di atas kemampuan negara ini mengadakan Badan Pendaftaran Perkapalan Brunei hanya dalam masa sembilan bulan selepas Kemerdekaan negara ini," tegasnya.

M.V. Putera Belait No. 2 dibina khas bagi perkhidmatan luar pantai Syarikat Brunei Shell Berhad dan akan digunakan bagi urusan pengangkutan barang-barang yang berkaitan dengan industri penggalian minyak dan bagi menghantar keperluan minyak, kuasa dan air ke pelantar-pelantar yang ada di luar pantai.

Tahniah kepada Kebawah DYMM

Dari muka 1

Kerana buktinya telah nyata: Allah menjadikan kita — bangsa Islam, menjadikan negara kita — negara Islam, menjadikan raja kita — raja Islam. Bukan Islam 'local', Islam di dalam, tetapi juga di luar!

"Kita tidak malu, bahkan berbangga, kita tidak takut hatta di khalayak masyarakat antarabangsa sekalipun, hatta di dalam PBB, suara kita masih suara Brunei, ada

Brunei dan Islamnya, keduanya tidak terpisah," tegas khutbah itu lagi.

Lantaran itu khutbah tersebut menyaran agar kita bersyukur dan menyembahkan setinggi-tinggi tahniah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Dipertuan atas titah 'gentleman' yang tinggi yang membawa Brunei Darussalam buat pertama kalinya ke tengah-tengah gelanggang antarabangsa.

Peluang ikuti kursus M.A/M.Sc. dan Ph.D.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumukan perkenan bagi menghantar pegawai-pegawai yang telah berkhidmat yang mempunyai Ijazah Kepujian untuk mengikuti kursus lanjutan Ijazah Sarjana (Masters Degree) dan Kursus Doktor Falsafah (Ph.D) bagi mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana.

Kursus-kursus tersebut akan dilaksanakan di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan dan mereka yang terpilih akan ditempatkan di institusi-institusi tinggi di seberang laut yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Pemohonan-pemohonan bolehlah dihadapkan dari sekarang dan hendaklah dihantar melalui Setiausaha Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing dan mestilah sampai kepada Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran tidak lewat dari 20 hari bulan Oktober, 1984. Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Untuk mengikuti Ijazah Sarjana (M.A/M. Sc), pemohon-pemohon mestilah mempunyai Ijazah B. Sc. (Hons) atau B.A. (Hons). Mereka yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda (B. Sc.,